



Majlis Ugama Islam Singapura

Khutbah Jumaat

27 Mac 2015 / 6 Jamadilakhir 1436

Menghayati Hubungan Dengan Kehidupan

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْخَبِيرِ الْحَكِيمِ ، أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ الْوَاحِدُ
الْقَوِيُّ الْمَتِينُ ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ صَادِقُ
الْوَعْدِ الْأَمِينِ ، اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ
وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ اتَّبَعَهُ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ .
أَمَّا بَعْدُ ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ ، أُوصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ ، فَقَدْ
فَازَ مَنْ اتَّقَى وَخَابَ مَنْ عَصَى .

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah sekalian,

Marilah kita bertakwa kepada Allah s.w.t. agar terbuka segala pintu kebaikan. Jadikanlah takwa kompas yang memelihara diri dari segala keburukan. Jadikanlah takwa pelita yang menyinari perjalanan kita menuju Allah s.w.t.

Selama beberapa Jumaat yang lalu, kita telah diajak bersama memikirkan tentang adab hubungan kita sesama makhluk ciptaan Allah. Tidak kira sama ada hubungan sesama manusia,

mahupun hubungan kita dengan alam sekitar dan makhluk Allah yang lain.

Khutbah pada hari ini pula ingin mengajak kita merenung hubungan kita dengan satu lagi ciptaan Allah. Satu ciptaan yang sangat rapat dengan setiap insan, namun tidak ramai pula yang memberikan perhatian terhadapnya.

Apakah ciptaan Allah yang dimaksudkan ini? Mari sama-sama kita perhatikan firman Allah s.w.t. di dalam Surah Al-Mulk ayat 2:

الَّذِي خَلَقَ الْمَوْتَ وَالْحَيَاةَ لِيَبْلُوَكُمْ أَيُّكُمْ أَحْسَنُ عَمَلًا وَهُوَ الْعَزِيزُ
الْغَفُورُ

Yang bermaksud: *“Dialah (Allah) yang telah menjadikan kematian dan kehidupan, untuk menguji kamu: siapakah di antara kamu yang lebih baik amalnya; dan Dialah Maha Berkuasa, lagi Maha Pengampun”*.

Saudara,

Allah mencipta kehidupan. Allah juga yang mencipta kematian. Jika khutbah-khutbah yang lalu berbicara tentang hubungan kita dengan makhluk-makhluk Allah yang zahirnya boleh kita lihat, khutbah hari ini pula berbicara tentang hubungan kita dengan kehidupan dan kematian, dua ciptaan Allah yang tidak

dapat dilihat secara fizikal, tetapi tidak ada seorang manusia pun yang mampu melepaskan diri daripadanya.

Ayat yang baru dibacakan tadi menekankan betapa kehidupan dan kematian dicipta Allah dengan tujuan untuk menguji manusia dalam amalan kebaikan. Seorang mukmin meyakini bahawa usia yang diperuntukkan Allah merupakan modal untuknya mengusahakan kebaikan sementara hidup di atas muka bumi ini. Seorang mukmin menyedari besarnya nilai kehidupan sebagai peluang untuk menabur jasa dan bakti, membawa kebahagiaan dan kesejahteraan, dan menyemai bibit-bibit kemakmuran.

Oleh itu, Allah s.w.t menyuruh hambanya untuk berlumba-lumba dalam mengerjakan kebaikan. FirmanNya di dalam Surah Al-Baqarah, ayat 148:

وَلِكُلِّ وِجْهَةٌ هُوَ مُوَلِّئُهَا فَاسْتَبِقُوا الْخَيْرَاتِ أَيْنَ مَا تَكُونُوا يَأْتِ بِكُمْ
اللَّهُ جَمِيعًا إِنَّ اللَّهَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿١٤٨﴾

Yang bermaksud: “Dan bagi tiap-tiap umat ada arah (kiblat) yang masing-masing menujunya; oleh itu berlumba-lumbalah kamu dalam mengerjakan kebaikan; kerana di mana sahaja kamu berada maka Allah tetap akan menghimpunkan kamu semua (untuk menerima balasan); sesungguhnya Allah Maha Berkuasa atas segala sesuatu.”

Setiap manusia, tidak kira latarbelakang kepercayaannya, akan berasa senang dan gembira apabila dapat melakukan sesuatu kebaikan. Kebaikan yang dilakukan, bakal melahirkan dan menghasilkan kebaikan juga. Sebaliknya, kejahatan hanya membawa padah dan kesudahan yang buruk pada akhirnya. Bahkan, seringkali perbuatan baik atau buruk kita tidak hanya dirasakan kesannya oleh mereka yang berada di sekeliling kita, malah ia memberi kesan kepada generasi selepas kita.

Saudara,

Demikianlah hubungan kita dengan hakikat kehidupan ini. Bahawa kita disuruh mengisi hidup dengan kebaikan, yang memberi kesan positif kepada diri kita dan orang lain. Dan bahawa kebaikan yang dilakukan adalah sesuatu yang mesti dihargai. Sebagai orang Islam, kita diajar Rasulullah untuk tidak melupakan jasa orang-orang yang telah melakukan kebaikan kepada kita. Perhatikan sabda Rasulullah s.a.w. seperti yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad:

مَنْ لَمْ يَشْكُرِ النَّاسَ لَمْ يَشْكُرِ اللَّهَ

Yang bermaksud: *“Sesiapa yang tidak berterima kasih kepada manusia, maka ia tidak bersyukur kepada Allah s.w.t.”*

Sidang hadirin yang dirahmati Allah,

Di antara nikmat yang Allah anugerahkan kepada kita ialah nikmat kemakmuran dan keamanan di negara kita ini. Kita

bersyukur kepada Allah kerana dengan keamanan ini, banyak kemajuan yang telah dapat kita capai bersama. Pastinya nikmat kesejahteraan ini tidak datang bergolek dengan sendiri. Kita sebagai orang-orang yang beriman meyakini bahawa ini tercapai, pertama, adalah dengan keizinan dan rahmat Allah. Kedua, adalah hasil dari usaha dan kerja keras masyarakat terdahulu, daripada peringkat kepimpinan hinggalah rakyat biasa. Kegigihan, kecekalan dan pengorbanan mereka, di samping dokongan kepimpinan yang berwawasan serta berpegang teguh dengan prinsip-prinsip yang diyakini, adalah sesuatu yang wajib kita hargai.

Bagaimana cara terbaik untuk kita menghargai jasa mereka yang telah bekerja keras mewujudkan kemakmuran yang kita nikmati hari ini?

Caranya ialah dengan meneruskan kegigihan itu untuk kita wariskan pula kepada generasi akan datang. Jadikan kecekalan dan semangat pengorbanan mereka warisan berharga yang mencorak identiti kita seterusnya. Suburkan kehidupan kita hari ini dan hari-hari berikutnya dengan amalan-amalan kebaikan yang berpanjangan. Semoga amal kebaikan itu, dengan berbekalkan iman di dalam hati, berjaya menjadi bekalan yang berguna kepada kita bila tiba saat kita meninggalkan kehidupan dunia ini.

Saudara-saudara sidang Jumaah yang dirahmati Allah, Pemergian Perdana Menteri Pertama, mendiang Encik Lee Kuan Yew, telah menyentuh setiap rakyat Singapura, termasuk kita para anggota masyarakat Islam. Amat besar sekali kesan yang beliau tinggalkan kepada kehidupan berbilang agama dan bangsa negara ini. Di peringkat antarabangsa, beliau telah memimpin sebuah pemerintahan yang membangunkan Singapura menjadi negara maju yang dikagumi dan dicemburui dunia. Ini tercapai, antaranya melalui kesungguhan beliau memastikan keharmonian hubungan antara kaum, kemajuan ekonomi dan kecemerlangan pendidikan.

Marilah kita merenung dan mengambil iktibar daripada kehidupannya. Beliau telah pergi meninggalkan warisannya. Bagaimana pula kita saudara-saudara sekalian? Marilah kita fikirkan bentuk sumbangan dan kesan dari amalan kita kepada mereka yang bakal kita tinggalkan juga satu hari nanti. Ini sejajar dengan firman Allah di dalam Surah Yasin, ayat 12:

إِنَّا نَحْنُ نُحْيِي الْمَوْتَىٰ وَنَكْتُبُ مَا قَدَّمُوا وَآثَرَهُمْ وَكُلَّ شَيْءٍ
أَحْصَيْنَاهُ فِي إِمَامٍ مُّبِينٍ

Yang bermaksud: “*Sesungguhnya Kami menghidupkan orang-orang yang (telah) mati, dan Kami tuliskan segala yang mereka telah kerjakan serta segala kesan perkataan dan perbuatan*

yang mereka tinggalkan. Dan (ingatlah) tiap-tiap sesuatu kami catitkan satu persatu dalam Kitab (suratan) yang jelas nyata.”

Itulah kehidupan. Kita berurusan dengan masa yang sementara. Ia menjadi pilihan kita, samada dipenuhi dengan kebaikan dan jasadabakti atau sebaliknya. Semoga Allah s.w.t. mengurniakan kita dengan ketenteraman jiwa, kebahagiaan dan keredhaan-Nya di dunia dan di akhirat. Amin, Ya Rabbal ‘Alamin.

بَارَكَ اللهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ
الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ
الْعَلِيمُ، أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا
فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِينَ.